

**KEBERKESANAN APLIKASI *INTERACTIVE STAMPING TOOL AND  
MODELLING PACKAGE (ISTAMP)* TERHADAP VISUAL, AUDITORI DAN  
KINESTATIK (VAK) PELAJAR KKTM BALIK PULAU**

MUHAMMAD IHFAN BIN SUPARMAN

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

JULAI 2012

Pembelajaran berbentuk interaktif merupakan satu kaedah di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PNP). Teknologi informasi dan komunikasi yang diaplikasikan penggunaannya dengan penghasilan *Interactive Stamping Tool and Modeling Pacakage (ISTAMP)* berkonsepkan CD interaktif digunakan bersama model di bawah tajuk '*Tool and Die Construction*' bagi subjek '*Tool and Die Technology*'. Penghasilan aplikasi ini adalah sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM) yang akan digunakan oleh pelajar dan pengajar *Tool and Die* di KKTM Balik Pulau. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan aplikasi yang digunakan terhadap Visual, Auditori dan Kinestetik (VAK), psikomotor dan kognitif pelajar. Keberkesanan dari aspek kemahiran visualisasi dan kesesuaian penggunaan aplikasi *ISTAMP* ini kepada pelajar juga dikaji. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kuasi eksperimen. Kaedah yang digunakan adalah *pre* dan *post* yang berlangsung selama 10 minggu dan melibatkan 36 responden yang merupakan populasi. Instrumen yang digunakan adalah soal-selidik, ujian visualisasi dan ujian *pre* dan *post*. Ujian *pre* dijalankan dengan satu set soalan dan set soalan yang sama digunakan dengan mengubah kedudukan soalan dan nombor soalan dalam ujian *post*. Data dianalisa menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 20. yang melibatkan min, sisihan piawai dan Ujian t. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam VAK, psikomotor dan kognitif antara kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, pelajar menerima baik penggunaan aplikasi *ISTAMP* berpadanan dengan gaya pembelajaran VAK. Hasil penilaian, aplikasi ini boleh dijadikan bahan rujukan bagi membantu pelajar memahami subjek *Tool and Die Technology* dengan lebih baik. Pengkaji mencadangkan untuk kajian ini dijalankan pada skala yang lebih besar dengan menggunakan ujian *Minnesota Paper Form Bord Test (MPFBT)*, *Mental Cutting Test (MCT)* dan Ujian Transformasi Mental bagi melihat kesan terhadap subjek-subjek kejuruteraan kepada pengkaji akan datang.

## **ABSTRACT**

Interactive learning is one of the method in teaching and learning process. According to this project, technology being used with ICT ability to produce an *Interactive Stamping Tool and Modeling Package (ISTAMP)*. The concept of interactive CD with industrial specification model based on 'Tool and Die Construction' subtopic under subject 'Introduction to Tool and Die Technology'. This application will be used as a learning material by the Tool and Die student at KKTM Balik Pulau. The purpose of the study is to compare the learning approach between experiment and control group regarding to visual, auditory and kinesthetic (VAK) learning style, psicomotor and cognitives. The comparison of visualization skill also being study. The study the suitability of the application to the students also being conducted. The research design is quasi-experiment. The method use is pre and post test. Experiment involving 36 respondent which is the population. The instrument use is in the form of questionnaires, pre and post test and visualization test. Data was analyse by using *Statistical package for Social Science (SPSS)* version 20. That provide the result in mean, standard deviation and t-Test. The result of the study show that the academic performance of the experiment group is significantly higher than the control group in the form of VAK, psicomotor and cognitives after using *ISTAMP* application. Overall, most of the student have positives perceptions towards the use of *ISTAMP* application. The result show that the interactive applications is able to be good teaching aid for the student and lecture who taught in *Tool and Die Technology*. Suggestion for the next researcher is to use full scale Test of Minnesota Paper Form Board Test (MPFBT), Mental Cutting Test (MCT) and Mental Transformation Test to study the effect of the test toward Engineering Subject.

# KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Tujuan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Soalan Kajian	8
	1.7 Hipotesis Kajian	9
	1.8 Kerangka Teori Kajian	10
	1.9 Kepentingan Kajian	11
	1.10 Skop Kajian	13
	1.11 Batasan Kajian	14
	1.12 Definisi Operasi	14
	1.13 Rumusan	16
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Proses <i>Metal Stamping</i>	18
	2.3 Model Alatan Tekan Berspesifikasi Industri	20
	2.3.1 Definisi	20

2.3.2	Binaan Alatan Tekan	23
2.4	Fasa kritikal Pericihan Bahan	
2.4.1	Fasa Pertama: Perubahan Plastik	24
2.4.2	Fasa Kedua: Penembusan	24
2.4.3	Fasa Ketiga: Pecah	25
2.5	Kon Pembelajaran	26
2.6	Kemahiran Visualisasi, Auditori dan Kinestatik (VAK)	27
2.7	Kaedah Meningkatkan keupayaan Visualisasi	29
2.8	Auditori	30
2.9	Kinestatik	30
2.10	Kemahiran Kognitif	31
2.11	Kemahiran Psikomotor	33
2.12	Multimedia di dalam Pengajaran dan Pembelajaran	34
2.13	Pendidikan Konvensional dan Interaktif	35
2.14	Model Gaya Pembelajaran	37
	2.14.1 Gaya Pembelajaran VAK	
	2.14.2 Gaya Pembelajaran Dunn and Dunn	
	2.14.3 Gaya Pembelajaran Kolb	
	2.14.4 Gaya Pembelajaran Felder-Silverman	
2.15	Perbezaan Jantina Terhadap Kemahiran Visualisasi	40
2.16	Kaedah Meningkatkan Kemahiran Visualisasi	41
2.17	Rumusan	42

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Responden Kajian	45
3.4	Instrumen Kajian	46
	3.4.1 Borang Soal Selidik	46
	3.4.2 Ujian Pencapaian	48

3.4.3	Instrumen Kemahiran Visualisasi	49
3.5	Kajian Rintis	51
3.6	Prosedur Kajian	53
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	55
3.8	Kaedah Penganalisan Data	55
3.9	Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	57
3.10	Ujian Keserasian dan Homogeniti	57
3.11	Kronologi Kajian	58
3.12	Jangkaan Dapatan Kajian	58
3.13	Kesimpulan	59

## **BAB 4 PEMBANGUNAN PRODUK**

4.1	Pengenalan	61
4.2	Model Rekabentuk	61
	4.2.1 Model ADDIE	62
	4.2.2 Bentuk dan Ciri Produk	68
4.3	Kronologi Pembinaan Produk	68
4.4	Ciri-ciri Kesesuaian Produk dan Mesra Pengguna	68
4.5	Pembinaan Model Alatan dan Acuan Tekan	73
	4.5.1 <i>Product Selection</i>	74
	4.5.2 <i>Strip Layout</i>	74
	4.5.3 <i>Material Utilization</i>	75
	4.5.4 <i>Force Calculation</i>	75
	4.5.5 <i>Upper Die Design</i>	76
	4.5.6 <i>Lower Die Design</i>	77
	4.5.7 <i>Assembly Drawing</i>	78
	4.5.8 <i>Die Fabrication</i>	79
	4.5.9 <i>Die Assembly and Alignment</i>	80
	4.5.10 <i>Stamping Operation, Maintenance and Troubleshooting</i>	80
	4.5.11 <i>Die Cost</i>	81
4.6	Kos Pembinaan Produk (aplikasi <i>ISTAMP</i> )	81
4.7	Kesimpulan	82

## **BAB 5 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pengenalan	83
5.2	Pengesahan Produk	84
5.3	Kajian Rintis	84

5.4	Analisis Data Dari Soal Selidik	85
	5.4.1 Analisis Bahagian A: Maklumat Demografi	86
	5.4.2 Analisis Bahagian B(i) : Visual Kognitif	87
	5.4.3 Analisis Bahagian B(ii) : Auditori	89
	5.4.4 Analisis Bahagian B(iii) : Kinestetik	90
	5.4.5 Analisa Dapatan Kajian Persoalan	92
	Kajian 2: Adakah terdapat peningkatan tahap psikomotor dan kognitif di kalangan pelajar KKTM Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi <i>ISTAMP</i> .	
	5.4.5.1 Analisis Bahagian C : Psikomotor	92
	5.4.5.2 Analisis Bahagian D : Kognitif	94
	5.4.5.3 Ujian Normaliti	96
	5.4.5.4 Ujian Keserasian	97
	5.4.6 Analisa Dapatan Kajian Persoalan	98
	3: Adakah terdapat peningkatan kemahiran visualisasi di kalangan pelajar KKTM Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi <i>ISTAMP</i>	
	5.4.7 Analisis Dapatan Kajian Persoalan	100
	Kajian 4: Adakah Aplikasi <i>ISTAMP</i> sesuai digunakan dan mesra pengguna.	
5.5	Kesimpulan	103

## **BAB 6 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN**

### **CADANGAN**

6.1	Pengenalan	104
6.2	Perbincangan Keputusan Kajian	104
	6.2.1 Demografi Responden	105
	6.2.2 Persoalan Kajian 1: Pembelajaran Kognitif Visual	105
	6.2.3 Persoalan Kajian 2: Pembelajaran Psikomotor dan Kognitif	107
	6.2.4 Persoalan Kajian 3: Peningkatan Kemahiran Visualisasi	108
	6.2.5 Persoalan Kajian 4: Kesesuaian Perisian	109

6.3	Kelebihan Aplikasi	110
6.4	Kelemahan Aplikasi	111
6.5	Kesimpulan	111
6.6	Cadangan	112
6.7	Penutup	113
	RUJUKAN	114
	LAMPIRAN	128

## **SENARAI RAJAH**



RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Perbandingan Markah Purata subjek <i>Tool and Die Technology</i>	5
1.2	Dale Cone of Learning	6
1.3	Kerangka Teori Kajian	10
1.4	Penerangan Kerangka Teori Kajian	12
2.1	Alatan Tekan Ansur ( <i>Progressive Dies</i> )	21
2.2	Proses Penembusan ( <i>Blanking</i> )	21
2.3	Proses Penakukan ( <i>Piercing</i> )	22
2.4	Kedudukan Alatan Tekan di dalam Mesin	22
2.5	Binaan Alatan Tekan	23
2.6	Perubahan Plastik Awal	24
2.7	Fasa Penembusan	25
2.8	Fasa Pecah	25
2.9	<i>Cone of Learning</i>	26
2.10	Model Grafik Gaya Pembelajaran oleh Elaine Montembaaeu(2000)	27
2.11	Model Pembelajaran Mayer	28
2.12	Model Pembelajaran Kolb	39
2.13	<i>Preferred Learning Style (Felder and Silverman)</i>	40
3.1	Contoh Ujian MPFBT	50
3.2	Contoh Ujian MCT	50
3.3	Contoh Ujian PSVT:R	51
3.4	Prosedur Kajian	54
3.5	Kronologi Kajian	59
4.1	Aliran Kerja Berdasarkan Model ADDIE	62
4.2	Paparan Skrin Menu Utama	65
4.3	Paparan Skrin Pengenalan <i>Tool and Die Technology</i>	65
4.4	Paparan Skrin Tajuk <i>Die Construction</i>	66
4.5	Paparan Skrin Quiz Berbentuk Silangkata	66
4.6	Produk yang dipilih ( <i>washer 18/10.5</i> )	74
4.7	<i>Strip Layout</i> bagi menyediakan <i>washer</i>	74
4.8	Pandangan atas <i>Top plate</i>	76
4.9	Pandangan sisi <i>Top half Assembly</i>	77
4.10	Pandangan atas <i>Cutting Plate</i>	77
4.11	Pandangan sisi <i>Lower part assembly</i>	78
4.12	Pandangan sisi <i>Complete Assembly</i>	78
4.13	Perancangan Pembuatan Alatan Tekan Bahagian Bawah	79
4.14	Alatan tekan yang telah siap dipasang	80
4.15	Stamping Machine (Ageo) bersama operator	80
4.16	Produk yang berjaya dikeluarkan	81

5.1	Pencapaian Pelajar Berdasarkan Ujian PSVT:R	99
5.2	Pencapaian Pelajar Berdasarkan Ujian DAT:SR	100

## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perbezaan Pembelajaran Tradisional dan Pembelajaran Interaktif	36
3.1	Rekabentuk Kajian	45
3.2	Ukuran Skala Likert	48
3.3	Skor Alpha Cronbach	52
3.4	Intrepretasi Tahap untuk Julat Min	56
3.5	Kaedah Analisis Data	56
3.6	Jadual Jangkaan Dapatan Kajian	58
4.1	Peratus Pencapaian Subjek <i>Intro To Tool and Die Technology</i>	64
4.2	Perisian yang digunakan dalam pembangunan <i>ISTAMP</i>	64

4.3	Nilai Daya Pemotong (kiraan)	76
4.4	Kos Pembinaan <i>die</i>	81
4.5	Kos Pembinaan aplikasi <i>ISTAMP</i>	81
5.1	Intrepretasi Julat Nilai Min	84
5.2	Analisa Skor Alpha Cronbach	85
5.3	Taburan Demografi Responden	86
5.4	Analisa Skor Min Item B(i)	88
5.5	Analisa Skor Min Item B(ii)	89
5.6	Analisa Skor Min Item B(iii)	91
5.7	Analisa Skor Min Item C	92
5.8	Ujian t bagi melihat peningkatan tahap psikomotor	93
5.9	Analisa Skor Min Item D	95
5.10	Ujian t bagi melihat peningkatan tahap kognitif	96
5.11	Ujian kenormalan (Kolmogorov-Smirnov dan Sapiro Wilk (KS dan SW))	96
5.12	Ujian Keserasian ANOVA Skor Ujian Pra bagi Gabungan Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	97
5.13	Ujian t bagi peningkatan pencapaian ujian formatif	97
5.14	Ujian t bagi peningkatan tahap visualisasi	98
5.15	Analisa Skor Min bagi ítem E	101
5.16	Kesesuaian aplikasi <i>ISTAMP</i>	103

## SENARAI SINGKATAN

SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPM(V)	-	Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional)
IPT	-	Institusi Pendidikan Tinggi
iPMA	-	Institusi Pendidikan MARA
BKT	-	Bahagian Kemahiran Tinggi MARA
KKTMBP	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau
<i>ISTAMP</i>	-	<i>Interactive Stamping Tool and Modeling Package</i>
<i>CD</i>	-	<i>Compact Disc</i>
ADDIE	-	<i>Analyze, Design, Development, Implementation, Evaluation</i>
ARCS	-	<i>Attention, Relevance, Confidence and Satisfactions</i>
PSVT:R	-	Purdue Spatial Visualization Test: Rotation
DAT:SR	-	<i>Different Aptitude Test:Space Relation</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
VAK	-	Visual, Auditori dan Kinestatik
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PBK	-	Pembelajaran Berbantu Komputer
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
IKM	-	Institut Kemahiran MARA

## SENARAI LAMPIRAN

**LAMPIRAN****TAJUK****MUKASURAT**

<b>A</b>	<i>Story Board</i> Pembangunan Aplikasi <i>ISTAMP</i>	128
<b>B</b>	Borang Soal Selidik	135
<b>C</b>	Hasil Analisa Menggunakan Perisian <i>SPSS</i>	150
<b>D</b>	Rekabentuk Pembangunan Model ( <i>Detail Drawing</i> )	162
<b>E</b>	Ujian Formatif Subjek <i>Tool and Die Technology</i>	171
<b>F</b>	Borang Pengesahan Pakar	181
<b>G</b>	Keputusan Ujian Rintis	192
<b>H</b>	Senarai Pakar	198
<b>I</b>	Peralatan yang digunakan di dalam proses fabrikasi	200
<b>J</b>	<i>Gantt Chart</i>	203
<b>K</b>	Surat-surat Pengesahan	205
<b>L</b>	Vita	208

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Teknologi pembentukan keluli digunakan dengan meluas di dalam industri berat terutama dalam industri automotif dan industri elektronik. Penggunaan alatan tekan (*Tool and Dies*) berkepersisan tinggi bagi membentuk dan memotong bahan di dalam industri semakin banyak digunakan bagi pengeluaran secara besar-besaran (*mass production*). Alatan dan perkakasan rumah seperti sudu, garfu, alat-alat perkebunan dan pisau dibuat dengan menggunakan alat pemotong yang difabrikasi oleh pemesin yang mahir. Bagi menjamin tenaga mahir yang sedia ada dapat memenuhi keperluan industri alatan tekan Negara, beberapa intitusi telah mengambil pendekatan proaktif dalam memperkenalkan kursus-kursus alatan dan acuan tekan di institusi masing-masing. Namun disebabkan institusi yang menawarkan bidang pembentukan terutamanya *Tool and Die* masih tidak banyak, maka konteks penyampaian pendidikan bidang *Tool and Die* menjadi satu bidang baharu yang perlu di pergiatkan lagi usaha bagi memperkasakan penyampaiannya.

Segala teknologi yang ada termasuklah dari bidang *Tool and Dies* bukanlah terbentuk dari geometri, fizik dan matematik tetapi dari gambaran awal oleh minda orang yang memvisualkannya (Ferguson,1992). Berbanding kebolehan lisan, kemahiran visual mempunyai hubungan rapat dengan domain teknikal, vokasional, matematik dan

pekerjaan (Bertoline dan Wiebe, 2003) begitu juga dengan kemahiran psikomotor dan kognitif.

Penggunaan teknologi dalam penyampaian pendidikan bukanlah satu perkara luar biasa. Menurut Ortega et.al.(1998), teknologi menyediakan satu ruang komunikasi interaktif di antara manusia dengan kecerdikan buatan. Pembangunan dan penggunaan teknologi seperti alatan, mesin, bahan dan proses akan dapat menyelesaikan masalah manusia. Menurut Tengku Zainal.(2000), aspek teknologi telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan teknologi. Teknologi yang sedang melanda dalam dunia pendidikan kini tentunya akan mengubah kandungan dan reka bentuk kurikulum setiap mata pelajaran (Jamaludin, 2000).

Menurut Gagne (1970), teknologi pendidikan kadangkala dikaitkan dengan komputer dan lain-lain alat media yang digunakan dalam pengajaran. Alat-alat media ini berfungsi sebagai satu sistem komunikasi yang digunakan oleh pensyarah untuk membantu pelajar mendapatkan ilmu pengetahuan dan juga menyelesaikan masalah. Antara kaedah yang giat dijalankan di dunia pada waktu ini adalah kaedah Pengajaran dan Pembelajaran berbantu komputer menggunakan permodelan bongkah (Mona, 2001: Abdul Hadi et.al, 2005). Namun untuk tujuan kajian ini, pengkaji akan menggunakan model sebenar sebagai ganti model bongkah 3D ini.

Jesteru dengan wujudnya fenomena di atas dan keperluan pembelajaran *Tool and Die Technology* maka pengkaji merasakan bahawa fenomena ini haruslah diterokai dan diperhalusi. Pengkaji membangunkan satu aplikasi yang dinamakan sebagai *Interactive Stamping Tools and Modelling Package (ISTAMP)* bagi matapelajaran *Tool and Die Technology* di bawah tajuk *Die Construction*. Penggunaan aplikasi ini adalah berdasarkan pengajaran berbantuan komputer (PBK) dan penggunaan model sebenar alatan tekan. Pengajaran ini dibangunkan menggunakan perisian *Flash* dan akan dipersembahkan dalam bentuk CD bersama model alatan tekan. Aplikasi ini akan menjadi alat bantu mengajar (ABM) bagi memudahkan pengajaran dan penerimaan pelajaran yang lebih berkesan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam bidang pendidikan teknik, vokasional dan teknologi terutama matapelajaran *Tool and Die Technology* kemahiran visualisasi pelajar amatlah penting. Begitu juga dengan kemahiran psikomotor dan kognitif. Berbanding kaedah konvensional sebelum ini, pengajaran lebih terarah kepada kaedah berpusatkan kepada pensyarah. Menurut Ee, (1997), sesetengah pensyarah menggunakan kaedah bercakap dan bertulis (*chalk and talk*) dan komunikasi sehalu sahaja. Kaedah yang berpusatkan kepada pensyarah akan menjadikan pelajar cepat bosan dan membuatkan mereka menjadi pasif ketika di dalam kelas. Pelajar hanya berinteraksi dengan buku teks, buku latihan untuk mencatat isi penting tentang topik yang dipelajari. Kaedah begini sememangnya boleh mengurangkan minat pelajar untuk melibatkan diri dalam kelas. Dalam kaedah konvensional, ABM adalah terhad dan pendidikan hanya melibatkan dua entiti sahaja iaitu di antara pensyarah dan pelajar. Dengan adanya teknologi, kaedah pengajaran menjadi lebih pelbagai dan pensyarah boleh memilih kaedah-kaedah yang bersesuaian dalam pengajaran mereka agar menjadi lebih menarik dan melibatkan pelajar secara aktif.

Menurut Baharuddin et al.(2001), penggunaan ABBM yang canggih atau berbentuk elektronik jarang sekali digunakan memandangkan untuk menghasilkan satu perisian ABBM memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Hal inilah yang menyebabkan pensyarah lebih cenderung menggunakan kaedah konvensional. Menurut Liman (2003), kaedah penyampaian sesuatu pelajaran haruslah diubahsuai daripada pendekatan tradisional kepada pendekatan penerokaan dan penemuan sendiri menerusi perisian multimedia interaktif yang melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran pembelajaran yang kurang merangsangkan dan pendekatan pengajaran yang statik akan memberi kesan yang buruk di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah ini akan dapat diatasi dengan penggunaan multimedia interaktif yang dibentuk mengikut perancangan yang teliti dan sistematik.

Di KKTM Balik Pulau, subjek *Tool and Die Technology* merupakan subjek yang wajib diambil oleh pelajar *Diploma Tool and Die*. Subjek ini memerlukan pelajar memahami teknik atau cara melukis yang betul dan mengingati perkara-perkara teknikal



berkaitan *die*. Namun sesetengah pelajar kurang berminat dalam subjek ini kerana ia agak susah untuk difahami kerana memerlukan imaginasi yang tinggi dalam menyelesaikan lukisan yang diberikan.


Pelajar akan mempelajari topik seperti Prinsip *Blanking* dan *Piercing Die*, *Stock Material*, *Cutting Clearance*, jenis-jenis *die* dan *progressive dies*. Walaupun penyampaian secara tradisional masih boleh digunakan namun kepelbagaian strategi pengajaran telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai menjadikan pengajaran lebih menarik Hein (1995). Tambahan pula kursus ini memerlukan pelajar mempunyai kerangka konsep yang kuat dan komponen penyelesaian masalah. Pelajar bertemu dengan pensyarah 2 kali seminggu dengan pertemuan selama 2 jam. Terdapat maksimum 20 orang pelajar dalam setiap kelas. Pelajar-pelajar yang akan mengikuti matapelajaran ini merupakan pelajar lulusan SPM dan pelajar lepasan Institut Kemahiran MARA (IKM).

Walaupun terdapat stigma ataupun persepsi yang mengatakan pelajar-pelajar yang memasuki aliran kemahiran merupakan pelajar kelas dua yang lemah dari segi kognitifnya. Pengkaji kurang bersetuju dengan andaian ini kerana terdapat banyak faktor yang menentukan berjaya atau tidak seseorang pelajar itu bukan disebabkan oleh ketidakupayaannya untuk menggunakan minda ataupun pelajar itu lemah daya fikirnya. Malah sebenarnya terdapat banyak faktor lain yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar terbabit termasuk kaedah pengajaran yang dijalankan oleh para pensyarah, pengalaman pensyarah yang mengajar dan prasarana yang diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar menerima pelajaran dengan lebih kondusif.

Melihat kepada kajian-kajian terdahulu yang dijalankan kepada subjek lain menunjukkan dengan menggunakan model pengajaran akan dapat meningkatkan pencapaian pelajar meningkat sehingga 72 peratus dengan menggunakan alatan atau apparatus, Nordin, Saud, & Subari (2008). Walaupun begitu, kesan kecanggihan teknologi pada masa kini telah memperlihatkan perkembangan pelajaran menggunakan alatan sebenar dan menjadi lebih berkesan jika disampaikan oleh pensyarah-pensyarah dan kepada pelajar yang bermotivasi tinggi. Penyampaian pensyarah yang menggunakan model juga dijangkakan akan meningkatkan keupayaan visual, auditori dan kinestetik pelajar terlibat. Kemahiran untuk menguasai pelajaran dengan baik dalam bentuk

teknikal dan pengetahuan teori akan membolehkan pelajar menguasai bidang alatan dan acuan tekan dengan lebih baik.

Berdasarkan temubual awal secara semi struktur yang dijalankan kepada En Azri Bin Azman yang telah mengajar selama tujuh tahun di dalam subjek *Tool and Die Technology* berpendapat bahan bantu mengajar yang jelas dan ditambah dengan elemen Audio, Video dan Radio (AVR) yang bersifat interaktif akan membantu pelajar memahami dengan lebih baik, manakala En Shamsul Bahar Bin Mohd Yunus seorang pensyarah *Tool and Die Design* yang berpengalaman lebih tujuh tahun pula menyatakan kegagalan pelajar adalah disebabkan subjek *Tool and Die Technology* merupakan subjek teori yang perlu banyak membaca. Namun dengan pendekatan baharu menggunakan CD interaktif akan dapat membantu pelajar disamping lawatan ke industri. Berdasarkan masalah di atas, pengkaji ingin membangunkan satu alat bahan bantu mengajar iaitu aplikasi *ISTAMP* yang berkaitan dengan *Tool and Die* diharap dapat membantu pensyarah dan juga pelajar dalam proses PNP.




Rajah 1.1: Perbandingan Gred Purata Subjek *Tool and Die Technology*  
(Sumber data: Unit Persijilan dan Peperiksaan KKTM Balik Pulau)

Rajah 1.2 di atas menunjukkan analisis perbandingan gred purata bagi matapelajaran *Tool and Die Technology*. Berdasarkan rajah di atas di dapati pencapaian

ged bagi subjek ini dari tahun 2007 sehingga 2011 mengalami penurunan bermula dari empat pada tahun 2007 kepada tiga pada tahun 2011. Dari segi peratus kelulusan juga mengalami penurunan yang ketara dari tahun ke tahun.

Rentetan dari itu pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji kesan model sebenar alatan tekan berskala industri yang telah dibangunkan bersama aplikasi CD interaktif ke atas pencapaian pelajar dari segi visual, auditori dan kinestatik. Di samping itu, kajian mengenai tahap psikomotor dan kognitif pelajar juga dijalankan.



Rajah 1.2: Dale Cone of Learning

(Sumber: Dales, 1969: Kementerian Pendidikan Malaysia)

Melalui kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pula mendapati media pengajaran yang baik adalah media yang dapat memperjelaskan, menggambarkan, mengawal dan menarik tumpuan pemikiran dan emosi pelajar untuk memahami dan mengekalkan kefahaman dalam tempoh jangka panjang (Dale, 1969). Pemilihan media yang baik dan bertepatan dengan objektif pengajaran dapat meringankan tugas pensyarah. Faktor-faktor lain seperti masa penghasilan, perbelanjaan, bahan, berat atau ringan alatan media, kemudahan tempat serta faktor masa pengajaran memainkan peranan dalam pemilihan media. Penggunaan media yang maksima dalam pengajaran akan memastikan pembelajaran pelajar lebih berfokus.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Hasil dari perbincangan di atas terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pendidik bagi membolehkan kajian ini dibuat. Pertama, pengajaran dan pembelajaran (P&P) hanya berpusatkan pensyarah dan pelajar tidak aktif di dalam kelas. Pembelajaran juga hanya berpandukan teori yang diperolehi dari dalam buku Ee. (1997). Kedua, kaedah penyampaian tradisional kurang efektif untuk P&P sekarang yang melibatkan para pelajar yang sentiasa aktif dan inginkan kelainan dalam setiap pendekatan pembelajaran. Ketiga, di KKTM Balik Pulau, pelajar kurang dibekalkan CD pembelajaran interaktif. Mereka hanya berpandukan kepada buku teks ataupun nota-nota yang diberikan oleh Pensyarah mereka bagi mengulangkaji topik-topik di dalamnya dan sukar untuk memahami teknik-teknik melukis dengan hanya berpandukan buku teks. Nordin, et. al.(2010), cabaran seorang pendidik dalam mengajar subjek teknikal dan kejuruteraan ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar mengenai cara-cara menyelesaikan sesuatu lukisan dan ini menyebabkan pensyarah menggunakan masa yang agak lama sekaligus mengganggu perancangan waktu pengajaran. Cabaran seorang pelajar pula adalah dengan mengingat teknik-teknik melukis dan memerlukan imaginasi yang tinggi dalam menyelesaikan soalan-soalan bagi sesetengah topik dalam lukisan kejuruteraan (Nordin, et al., 2010).

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan ini, maka pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tersebut memandangkan KKTM Balik Pulau merupakan sebuah institusi yang melahirkan tenaga kerja bagi memenuhi keperluan pasaran alatan tekan negara. Pengkaji ingin mengenalpasti adakah dengan memperkenalkan pelajar kepada cara pengajaran berasaskan CD dan penggunaan model akan dapat meningkatkan ciri-ciri keintelektualan pelajar dari segi pencapaian kognitif, VAK dan psikomotor pelajar yang terlibat. Rasionalnya pemilihan tiga ciri-ciri pelajar tersebut adalah bersesuaian dengan pencapaian pelajar untuk menamatkan pengajian di dalam Diploma *Tool and Die*. Kajian mengenai kesesuaian CD interaktif ini juga di kaji bagi melihat kesesuaian penggunaannya terhadap pelajar KKTM Balik Pulau.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan aplikasi *ISTAMP* yang dibangunkan bersama model sebenar bersaiz industri yang dibangunkan ke atas pelajar KKTM Balik Pulau yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran matapelajaran *Tool and Die Technology*. Pengkaji ingin melihat keberkesanan model ini terhadap tiga aspek penting iaitu keupayaan pelajar dari segi perubahan dari segi VAK, perubahan kognitif dan peningkatan psikomotor pelajar. Pengkaji juga ingin mengenalpasti sama ada aplikasi *ISTAMP* yang dibangunkan ini adalah bersesuaian dan mesra pengguna.

#### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Menguji keberkesanan aplikasi *ISTAMP* yang dibangunkan bagi meningkatkan pencapaian VAK pelajar.
- (ii) Menguji keberkesanan aplikasi *ISTAMP* yang dibangunkan bagi meningkatkan pencapaian kognitif dan psikomotor di kalangan pelajar.
- (iii) Menenalpasti kesesuaian aplikasi *ISTAMP* yang dibangunkan bagi kegunaan pelajar.

#### 1.6 Soalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- (i) Adakah terdapat peningkatan visualisasi, auditori dan kinestatik (VAK) di kalangan pelajar KKTM setelah menggunakan aplikasi *ISTAMP*?
- (ii) Adakah terdapat peningkatan tahap kognitif dan psikomotor di kalangan pelajar KKTM setelah menggunakan aplikasi *ISTAMP*?
- (iii) Adakah terdapat peningkatan kemahiran visualisasi di kalangan pelajar KKTM setelah menggunakan aplikasi *ISTAMP*?
- (iv) Adakah aplikasi *ISTAMP* yang digunakan bersesuaian digunakan oleh pelajar?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat hipotesis atau jangkaan yang dirangka di awal kajian bagi memenuhi objektif kajian.

Ho<sup>1</sup>: Tidak terdapat peningkatan kemahiran visualisasi dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

Ha<sup>1</sup>: Terdapat peningkatan kemahiran visualisasi dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

Ho<sup>2</sup>: Tidak terdapat peningkatan tahap psikomotor dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

Ha<sup>2</sup>: Terdapat peningkatan tahap psikomotor dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

Ho<sup>3</sup>: Tidak terdapat peningkatan tahap kognitif dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

Ha<sup>3</sup>: Terdapat peningkatan tahap kognitif dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.


Ho<sup>4</sup>: Tidak terdapat peningkatan pencapaian dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

Ha<sup>4</sup>: Terdapat peningkatan pencapaian dikalangan pelajar KKTМ Balik Pulau selepas menggunakan aplikasi *ISTAMP*.

## 1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini mempunyai tiga komponen utama iaitu inputnya pelajar.aplikasi dan kesan kepada pelajar terlibat. Berdasarkan Rajah 1.3, kerangka teori kajian pengkaji telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian merujuk kepada kerangka

teori yang diadaptasi daripada Siti Hasmiza (2001) dan Rusliah (2003) dalam kajian mereka.



Sumber : Diadaptasi dan disesuaikan daripada Siti Hasmiza (2001) dan Rosliah Abu Bakar (2003).

Rajah 1.3 : Kerangka Teori Kajian

Komponen utama kerangka teori kajian iaitu pelajar adalah terdiri daripada pelajar semester tiga KKTm Balik Pulau yang mengambil subjek *Tool and Die Technology*. Komponen kedua merupakan aplikasi *ISTAMP* yang akan digunakan sebagai ABBM. Komponen yang ketiga iaitu pelajar KKTm Balik Pulau yang lebih baik dari segi VAK, kognitif dan psikomotornya. Rajah 1.4 adalah merupakan penerangan secara terperinci mengenai kerangka teori kajian.


## 1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangkakan dapat memberi maklumat kepada KKTM Balik Pulau dan MARA mengenai keperluan membangunkan aplikasi *ISTAMP* bagi membolehkan pelajar menerima pengajaran dengan lebih baik. Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada MARA supaya perancangan P&P yang bakal dibuat bagi memenuhi keperluan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Ia juga dapat memberi panduan kepada Bahagian Pembangunan Sumber Pendidikan MARA untuk merencanakan program yang dapat meningkatkan daya pembelajaran pelajar dan keterampilan pelajar dari aspek bukan teknikal. Melalui kajian ini pelajar-pelajar KKTM Balik Pulau dapat mengoptimumkan potensi yang ada dalam diri untuk mereka menonjolkan kebolehan sebenar dalam aspek pembelajaran mereka. Para pengajar di KKTM Balik Pulau dan iPMA boleh menjadikan kajian ini sebagai garis panduan untuk mengetahui ciri-ciri yang perlu ada pada model pembelajaran untuk membina aplikasi yang lebih baik.

Kajian ini secara tidak langsung di jangka dapat memberi maklumat kepada pusat pengajian tinggi yang akan mengambil pelajar-pelajar lepasan KKTM Balik Pulau sebagai pelajar. Dengan ini, institusi terlibat telah mengetahui pelajar ini telah didedahkan dengan cara pembelajaran yang terbaik untuk pelajar ini memahami apa yang dikatakan sebagai *Tool and Die Technology*. Bagi pelajar lepasan SPM dan sekolah menengah yang masih tercari-cari dan tertanya tanya apa yang dikatakan *Tool and Die* juga dapat melihat dan menyentuh dengan lebih dekat apa yang dikatakan alatan acuan tekan.





Sumber : Diadaptasi dan disesuaikan daripada Siti Hasmiza (2001) dan Rosliah Abu Bakar (2003).

Rajah 1.4 : Penerangan Kerangka Teori Kajian

Kajian ini juga dibuat adalah untuk memberi sumbangsaran kepada tiga pihak iaitu pelajar, pensyarah dan juga pengkaji instruksional sendiri dengan cara:

(a) Kepentingan kepadap pelajar. Hasil daripada penggunaan CD interaktif ini dapat merangsang minat pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi *ISTAMP* membolehkan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih pelbagai. Pelajar boleh memilih masa, kandungan serta hala tuju pembelajaran mereka.

(b) Pelajar juga berpeluang mempelajari bahagian yang agak susah secara berulang kali sehingga pemahaman dicapai. Kajian ini dapat memberi kebaikan yang banyak kepada pensyarah dari segi memudahkan proses pengajaran dan menjimatkan masa bagi mengajar *Tool and Die Technology*. Selain itu, ia juga dapat mengatasi masalah ketidakhadiran pensyarah yang mengajar topik ini dimana pensyarah ganti boleh menggunakan aplikasi *ISTAMP* ini untuk mengajar.

(c) Kepentingan Kepada Pengkaji. Pembangunan CD interaktif banyak menggunakan teknologi seperti perisian *Flash*, *Adobe Photoshop* dan sebagainya yang dipelajari oleh pengkaji. Melalui penghasilan aplikasi *ISTAMP* ini pengkaji memperolehi pengetahuan baharu. Adalah sangat penting bagi seorang pensyarah untuk mempunyai pengetahuan yang luas terutama sekali dalam bidang teknologi maklumat supaya sentiasa dapat menghasilkan bahan baharu bagi kemudahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

(d) Aplikasi *ISTAMP* memberi kebaikan kepada pelajar, pensyarah dan pengkaji. CD interaktif ini juga dapat membantu Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam mempelbagaikan lagi perisian yang boleh digunakan di KKTM seluruh negara.

### **1.10 Skop Kajian**

Pelajar jurusan Alatan dan Acuan Tekan perlu mengambil subjek *Tool and Die Technology* sebagai syarat bergraduasi. Pengkaji telah menetapkan skop kajian supaya hanya tertumpu kepada pelajar Diploma Alatan dan Acuan Tekan. Pembolehubah yang dikaji hanya bertumpu kepada visual, auditori, kinestetik, kognitif dan psikomotor sahaja.

### 1.11 Batasan Kajian

Pengkaji memilih KKTM Balik Pulau sebagai tempat kajian. Pengkaji membataskan kajian ini hanya ke atas kursus yang diikuti oleh pelajar-pelajar kursus *Tool and Die* sahaja yang merangkumi seramai 50 orang di KKTM Balik Pulau. Walaupun begitu, kajian ini turut dibataskan dengan pembolehubah yang tidak dapat dikawal oleh pengkaji iaitu melalui alat ukur yang digunakan, di mana pengkaji perlu mengambil kira kefahaman, penafsiran dan kejujuran responden.

### 1.12 Definisi Operasi

Pengkaji telah mendefinisikan beberapa istilah mengikut konteks kajian yang dijalankan yang dinamakan definisi operasi seperti berikut:

#### (a) Kemahiran Visualisasi

Pelajar yang mempunyai tahap visualisasi yang baik adalah pelajar yang boleh membayangkan, mentafsir dan menggambarkan imej, maklumat dari objek di dalam minda mereka.

#### (b) *Stamping*

Merupakan alatan yang digunakan untuk memotong keluli secara sejuk bagi mendapatkan bahan yang ingin digunakan sebagai perkakasan.

#### (c) Aplikasi *Interactive Stamping Tool and Modelling Package (ISTAMP)*

Perisian yang telah siap dibangunkan bersama model alatan tekan yang dibina bagi tujuan pembelajaran subjek *Tool and Die Technology* serta mengandungi maklumat yang dapat menarik minat pelajar untuk kekal menggunakannya.

#### (d) Kognitif Visual

Proses pemikiran untuk seseorang memahami dan mengingati sesuatu maklumat secara mental.

(e) *Tool and Die Technology*

Satu matapelajaran yang diambil oleh pelajar di KKTM Balik Pulau dalam bidang *Tool and Die*. Matapelajaran yang mengandungi lukisan, alatan, alat pemotong dan teori-teori berkaitan pemotongan keluli.

(f) Pelajar *Tool and Die*

Merujuk kepada semua pelajar *Tool and Die* di KKTM Balik Pulau, Pulau Pinang

(g) Pencapaian

Meliputi pelbagai cara pengukuhan yang dilakukan di KKTM Balik Pulau pada bila-bila masa yang dianggap sah untuk mengetahui kemajuan dan kebolehan akademik pelajar seperti ujian dan peperiksaan.

(h) Media statik

Media pengajaran seperti papan hitam, buku teks, modul bercetak, nota dan buku rujukan. Media ini tidak boleh menggambarkan sesuatu pergerakan atau proses secara animasi.

(i) Alat kognitif

Media pengajaran bagi tujuan membantu membina kemahiran kognitif pelajar iaitu kemahiran menerima, memproses, mengkod, menyimpan dan mencapai semula maklumat dari memori.

(j) Kemahiran kognitif

Kemahiran menerima, memproses, mengkod, menyimpan dan mencapai semula maklumat dari memori di mana kemahiran ini sangat penting dalam menentukan prestasi ujian bertulis pelajar.

(k) Koswer Berasaskan Animasi (KBA)

Koswer Pembelajaran Berbantuan Komputer yang dibangunkan dengan dimuatkan animasi bagi menerangkan isi kandungan dinamik selain dari penerangan secara grafik dan teks.

(l) Media dinamik

Media pengajaran yang mampu menggambarkan sesuatu isi pelajaran dinamik secara animasi, seperti misalnya animasi komputer, animasi di televisyen, video dan teater.

(m) Gaya Pembelajaran Visual, Auditori dan Kinestetik(VAK)

Merujuk kepada pembelajaran menggunakan kaedah paparan berbentuk perkataan, gambar yang juga mempunyai lagu dan runut bunyi yang menarik pelajar untuk mengambil bahagian secara fizikal semasa pengajaran dijalankan.

(n) Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga, 1996), maksud keberkesanan ialah menimbulkan hasil (kesudahan dan sebagainya) yang diharapkan membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya) seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya).

Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada hasil yang diperolehi daripada pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam kelas. Hasil diperolehi dengan melihat kepada pencapaian akademik pelajar bagi subjek *Tool and Die Technology*. Selain itu, pengajaran berkesan juga ditakrifkan sebagai pengajaran yang dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar (Hunter, 1995 dalam Esah, 2003).

### 1.13 Rumusan

Penggunaan CD interaktif di dalam pendidikan bersama model alatan dan acuan tekan adalah penggunaan teknologi yang berasaskan pembelajaran pengkayaan multimedia berbantuan komputer (PBK). Pengkaji menggunakan istilah *Interactive Stamping Tool and Modelling Package (ISTAMP)* sebagai satu pendekatan yang menarik dari segi nama

agar ianya semakin menarik perhatian ramai pengkaji dan pelajar untuk menggunakannya. Pembangun-pembangun perisian memerlukan input ini bagi membangunkan perisian yang lebih baik dan terperinci agar lebih mesra pengguna. Penggunaan CD interaktif bagi menyampaikan subjek *Tool and Die Technology* akan memberi kesan yang positif di dalam pembelajaran pelajar. Aplikasi ini akan menjadi salah satu Alat Bantu Mengajar (ABM) yang membolehkan pelajar belajar dengan lebih berkesan.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

